

31 JUL 1997

JANGAN HANYA BERGANTUNG KEPADA PELABUR ASING: PAS

PASIR PUTEH, 31 Julai (Bernama) -- PAS hari ini meminta kerajaan supaya tidak terlalu bergantung kepada pelaburan asing dalam membangunkan negara ini bagi memastikan kekuatan ekonomi tidak mudah digugat anasir luar.

Presidennya Haji Fadzil Noor berkata penggantungan sepenuhnya kepada pelabur asing untuk mengukuhkan ekonomi negara mungkin memberi kesan buruk apabila pelaburan asing ditarik balik pada masa yang tidak diduga.

"Ketidakstabilan mata wang ringgit baru-baru ini seolah-olah menunjukkan ekonomi kita terlalu bergantung kepada modal luar," katanya di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengiringi calon PAS Wan Mohd Fauzi Wan Hussain ke pusat penamaan calon di sini bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Semerak.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan pembiayai kewangan antarabangsa George Soros sebagai dalang yang menyebabkan kejatuhan nilai beberapa mata wang rantau ini termasuk ringgit.

Fadzil berkata: "Kalau ringgit kukuh bagaimana seorang spekulator boleh menggugat kewangan kita...ini menunjukan kita ada kelemahan-kelemahan yang perlu diakuinya dan diperbaiki.

"Adalah mengaibkan kalau spekulasi yang dibuat oleh seorang manusia boleh menggugat mata wang negara kita," kata Fadzil.

Beliau juga berharap kerajaan perlu menangani secara serius mengenai ketidakstabilan mata wang ringgit itu yang jika dibiarkan boleh menyebabkan rakyat menanggung kesulitan.--BERNAMA

BD MS MAI